

10/09/2002

Memperkukuh kerangka ekonomi anggota Asean

Lichong Angkui

MESYUARAT ke-34 Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, selama lima hari bermula esok dilihat sebagai amat penting dalam rangka rantau ini mempersiapkan diri menghadapi cabaran globalisasi dan persaingan dunia.

AEM kali ini, yang diadakan ketika Asean berada di ambang pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), tentunya menjadi platform terbaik mencapai muafakat memperkukuhkan kerangka kerjasama ekonomi serantau ke tahap lebih tinggi seiring keperluan mutakhir.

Meliputi 10 negara anggota - Brunei, Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura, Myanmar, Vietnam, Kemboja dan Laos dengan hampir 500 juta penduduk, Asean berpotensi menjadi kawasan pertumbuhan baru, apalagi dengan komitmennya meningkatkan kerjasama ekonomi bersama China, Jepun dan Korea menerusi prinsip Asean Campur 3 (Asean+3).

Kejayaan Asean mendepani krisis ekonomi 1997 adalah manifestasi keupayaan dan keyakinannya mencapai Wawasan Asean 2020, sekali gus menjadikan rantau ini kawasan pertumbuhan baru dan kuasa ekonomi dunia.

Banyak isu dan agenda dijangka memenuhi mesyuarat kali ini, yang bermula dengan perbincangan peringkat pegawai kanan sejak dua hari lalu untuk dirumuskan bersama oleh menteri-menteri ekonomi, Ahad ini.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Tarikh permulaan mesyuarat kali ini yang sinonim dengan insiden 11 September 2001, tentunya juga ruang terbaik melihat semula hasil kemajuan kerjasama di kalangan negara anggota sepanjang setahun lalu, kemudian merangka strategi baru dan membincang masa depan kerjasama ekonomi dengan rakan dialog serta meleraikan isu perdagangan, pelaburan dan ekonomi lainnya. Ringkasnya, Asean perlu menentukan prinsip dan hala tuju sendiri kerana ia lubuk baru yang sentiasa diintai kuasa besar.

Selain itu, beberapa persoalan menarik menunggu jawapan penyelesaian di Bandar Seri Begawan kali ini. Misalnya, isu berkaitan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Inisiatif Bagi Integrasi Asean (IAI) dan Petunjuk Integrasi Asean (RIA), Skim Keutamaan Tarif Berkesan Sama Rata (CEPT) serta pelbagai isu ekonomi masa depan.

Kalau pada mesyuarat sambil rehat di Genting Highlands pada Julai lalu, Menteri-Menteri Ekonomi Asean membincang isu berkenaan secara santai dan proses Asean keseluruhannya secara tidak formal, mungkin di Brunei kali ini ia akan menjadi topik perbincangan rasmi.

Yang pasti, persetujuan melaksana prinsip '10 tolak X' (10-X) untuk mempercepatkan kerjasama di kalangan anggota Asean yang disepakati pada pertemuan tidak rasmi di Genting Highlands baru-baru ini, akan dibawa pada AEM ke-34 ini. Langkah itu bertujuan menjadikannya pendirian rasmi untuk dilaksanakan secara bersama.

Prinsip 10-X adalah untuk mempercepatkan kerjasama dalam pelaksanaan program membabitkan negara anggota. Program yang akan menggunakan prinsip itu termasuk dasar langit terbuka, kad pintar, liberalisasi perkhidmatan seperti kewangan, telekomunikasi, pengangkutan dan liberalisasi pelaburan.

Ia diperkenalkan untuk menjana dan mempercepat pencapaian Wawasan Asean 2020, RIA dan IAI, khususnya dengan mengambil kira kemasukan empat anggota baru ke dalam Asean.

Selain itu, kerjasama perdagangan dan ekonomi antara Asean dengan Hubungan Rapat Ekonomi (CER) meliputi Australia dan New Zealand, juga

dijangka dibahaskan kerana potensinya yang besar serta memanfaatkan ekonomi jangka panjang di rantau ini.

Satu pernyataan atau mungkin deklarasi peringkat menteri mengenai perkongsian erat ekonomi Afta-CER dijangka ditandatangani di Brunei kali ini. Majlis Perniagaan Asean-CER (ACBC) diterima bersama oleh Asean dan Menteri-Menteri Ekonomi CER pada Mesyuarat Perundingan Peringkat Menteri AEM-CER di Hanoi, Vietnam, pada September tahun lalu.

Apabila ini menjadi kenyataan, menerusi Mesyuarat Perundingan Ketujuh AEM-CER yang dijadualkan 14 September ini, skop kerjasama ekonomi Asean akan bertambah lebar yang akhirnya diyakini membantu proses pertumbuhan rantau ini dengan lebih cergas, kukuh dan padu.

Mengambil satu contoh, perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan negara anggota CER tahun lalu saja sudah bernilai RM16.2 bilion, apalagi jika mengambil kira perdagangan 10 negara anggota Asean.

Dalam Mesyuarat Perundingan AEM+3 dengan China, Jepun dan Korea Selatan pula, ada kemungkinan isu mengenai cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3 dibincangkan sekali lagi. Kuala Lumpur sudah menawarkan diri menjadi tuan rumah sekretariat itu walaupun Menteri-menteri Luar Asean yang bermesyuarat di Bandar Seri Begawan pada Julai lalu, tidak menunjukkan komitmen merealisasikannya, sebaliknya sekadar menyatakan perlunya diperkukuhkan Sekretariat Asean sedia ada di Jakarta.

Malaysia sudah berulang kali menyatakan mengenai pentingnya penubuhan sekretariat itu dalam rangka memperkukuhkan jalinan kerjasama serantau secara lebih tersusun. Bagi Malaysia, kewujudan sekretariat tetap akan memanfaatkan serta memperkukuhkan Asean yang berdepan cabaran lebih besar pada masa depan dengan mengambil kira aliran globalisasi masa kini.

Dalam konteks kerjasama Asean+3, penubuhan sekretariat itu tentunya dapat memastikan hubungan serta kerjasama antara Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan dijalin lebih padu.

Menerusi sekretariat itu, ia bukan sekadar mengurus soal berkaitan perdagangan dan ekonomi, tetapi turut meliputi aspek lain seperti soal keamanan, keselamatan dan pembangunan.

Pembinaan landasan kereta api Trans-Asia dari Singapura ke Kunming, China, mungkin juga dibangkitkan pada perbincangan Asean+3 kelak, khususnya dengan Beijing. Walaupun cadangan projek itu dianggap sesetengah pihak sebagai tidak begitu berdaya maju, namun ia tetap diyakini boleh menguntungkan dalam jangka masa panjang.

Ini kerana, walaupun secara fizikal, ada negara Asean tidak terbabit langsung dengan projek itu, pelaksanaannya adalah mekanisme berkesan membantu negara anggota kurang maju seperti Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam. Ia sudah menjadi tradisi Asean, sama seperti komitmennya merapatkan jurang digital antara sesama anggota.

Sementara banyak juga isu domestik dihadapi di kalangan sesama negara anggota seperti soal membabitkan percukaian dan pampasan, Asean perlu memperkasa diri menunjukkan ketrampilan dan kewibawaan sebagai sebuah blok ekonomi yang bersatu padu. Tidak boleh wujud perbezaan status antara negara pengasas dengan anggota baru. AEM adalah landasan kerjasama itu selain Sidang Kemuncak Asean dan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) yang diadakan setiap tahun secara bergilir.

Diwujudkan pada 1967, Asean yang suatu ketika dahulu pernah digelar Harimau Asia kerana kemakmuran ekonominya memang berpotensi mengatasi mana-mana blok ekonomi lain di dunia.

Dengan memiliki pasaran lebih besar berbanding Komuniti Eropah (EC), Asean sebenarnya sudah bersedia menjadi pemain utama di pentas dunia, apalagi dengan persetujuan tiga rakan dialognya - China, Jepun dan Korea bagi penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

EAEG diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada

1990 dan pada mulanya mendapat bantahan Amerika Syarikat kerana bimbang ia akan menjadi satu blok ekonomi. Berikutan itu, ia ditukar kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sebelum dinamakan semula EAEG ketika Sidang Kemuncak Asean+3 di Brunei pada November tahun lalu.

Sebagai sebuah entiti, EAEG menjadi landasan kerjasama di kalangan negara-negara Asia Timur dalam pelbagai aspek ekonomi, sama seperti EC di Eropah dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) di Amerika.

Hakikatnya, AEM kali ini perlu merumuskan tindakan dan langkah konkrit ke arah memperkukuh kerangka kerjasama Asean dengan mengambil kira cabaran masa depan berkaitan persaingan ekonomi selain soal keutuhan politik dan cabaran sosial yang tidak kurang pentingnya.

Paling mustahak, keputusannya nanti harus mencerminkan kredibiliti Asean itu sendiri supaya gagasan serantau ini terus disanjung dunia.